

P.U. (A) 12/2008

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN
PENGGAL 5 BAHAGIAN VI) (PINDAAN) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 315(3) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI) (Pindaan) 2008**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Januari 2008.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian IV) 2005 [P.U. (A) 469/2005] dipinda dalam perenggan 2 dalam tafsiran “pelabur berkelayakan”—
 - (a) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) suatu syarikat yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] atau suatu perbadanan yang merupakan suatu syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] atau di bawah undang-undang mana-mana negara lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, dan mempunyai budi bicara mutlak dalam pelaburan aset amanah yang dimiliki oleh suatu amanah dengan jumlah

bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing; atau

- (e) suatu kumpulan wang pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*].”.

Dibuat 8 Januari 2008

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU²)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP

Menteri Kewangan Kedua